

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 September 2020

1. Miliki karkas lembu tidak sah, peniaga didenda RM2,000
2. Didenda RM2,000 miliki karkas lembu
3. Minyak rami kurangkan tekanan pada haiwan

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	15	
Perkara	Akta Binatang	

Miliki karkas lembu tidak sah, peniaga didenda RM2,000

SELAYANG – Padah memiliki karkas (bahagian badan) lembu seberat 361 kilogram (kg) yang tidak sah tahun lalu, seorang peniaga didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan menjatuhkan hukuman denda itu terhadap Azzamuddin Ishak, 46, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas lelaki itu mengaku salah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya.


Mahkamah turut memerintahkan Azzamuddin di penjara sebulan lagi sekiranya gagal membayar jumlah denda itu. OKS membayar jumlah denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Azzamuddin didakwa memiliki karkas lembu yang tidak disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau rumah penyembelihan yang dilesenkan dengan melanggar peruntukan dibawah Kaedah 5(3), Kaedah-kaedah Binatang (kawalan penyembelihan) 2009 Akta Binatang 1953.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bangsal penyembelihan di Sungai Bakau, Rawang di sini pukul 5.30 pagi pada 13 Oktober 2019.

Berikutan itu pertuduhan dikemukakan mengikut kaedah 2(a), (b), Kaedah-kaedah Binatang (kawalan penyembelihan) (pindaan) 2018 yang memperuntukkan denda maksimum RM10,000 jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, Mohammad Firdaus Mat Ludin memohon mahkamah mengenakan huku-



AZZAMUDDIN

Karkas lembu

- Bahagian badan ternakan yang telah disembelih, dibersihkan dan dipotong kepada beberapa bahagian
- Biasanya akan dipotong kepada empat bahagian
- Dipotong kepada bahagian kecil jika ada permintaan dari pembeli

man berat sebagai pengajaran dan orang lain agar tidak melakukan kesalahan sama.

Bagaimanapun Azzamuddin yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah mengenakan denda minimum atas alasan baru memulakan perniagaan dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian sepasukan JPV membuat serbuan di bangsal milik OKS di Sungai Bakau.

Hasil pemeriksaan, didapati dia memiliki karkas lembu seberat 361 kg, tujuh bilah pisau, dua bilah parang, dua bilah pengasah dan satu unit alat timbang.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	18	
Perkara	Akta Binatang	

Kuala Lumpur: Seorang peniaga didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini semalam, kerana memiliki 361 kilogram (kg) karkas lembu yang disembelih di rumah penyembelihan yang tidak dillesen Oktober tahun lalu.

Majistret Nik Mohd Fadil Nik Azlan menjatuhkan hukuman itu ke atas Azzamuddin Ishak, 46, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya.

Mahkamah turut memerintahkan OKS menjalani hukuman penjara sebulan sekiranya dia gagal membayar denda tersebut. Dia membayar denda.

Azzamuddin didakwa

Didenda RM2,000 miliki karkas lembu

memiliki karkas lembu yang tidak disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dillesen dengan melanggar peruntukan di bawah Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 Akta Binatang 1953.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah bangsal penyembelihan di Kampung Ternak Ayam, Sungai Bakau, Rawang pada 5.30 pagi, 13 Oktober 2019 mengikut Kaedah 2(a), (b), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) (Pindaan) 2018 yang

memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (JPVNS) Mohammad Firdaus Mat Ludin memohon hukuman denda maksimum sebagai pengajaran kepada OKS dan orang lain supaya tidak melakukan kesalahan sama.

Azzamuddin yang tidak diwakili peguam merayu hukuman denda minimum kerana dia baru sahaja memulakan perniagaan itu dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 2 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	K2	
M/Surat	29	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Minyak rami kurangkan tekanan pada haiwan

PARA saintis di Zoo Warsaw, Poland telah mengambil sampel darah, air liur dan lain-lain daripada tiga ekor gajah bagi menguji sama ada dengan memberi haiwan itu minyak rami dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi haiwan terbabit.


Doktor haiwan, Agnieszka Czujkowska berkata, minyak rami atau juga dikenali sebagai CBD atau minyak kanabidiol sebelum ini terbukti dapat mengurangkan kegelisahan dan tekanan pada haiwan lain seperti kuda dan anjing.

Mereka memutuskan untuk memulakan ujian tersebut ke atas tiga ekor gajah Afrika yang mengalami tekanan setelah kematian seekor gajah betina pada Mac lalu.

"Pada dasarnya, tekanan ada di mana-mana dan kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa akan datang.

"Kadang-kadang akan ada kecederaan apabila gajah berada dalam tekanan dan boleh memecahkan gading sendiri.

Haiwan ini juga boleh jatuh sakit tanpa sebab jika tertekan," katanya.



DUA saintis di Zoo Warsaw mengambil sampel air liur seekor gajah Afrika baru-baru ini.